


PPC 2026 - PERAK

Bahagian A

[60 markah]

Jawab semua soalan

- 1 (a) Rajah berikut menunjukkan perkembangan sejarah perakaunan berkenaan catatan dalam perakaunan.



Apakah X dan Y?

[2 markah]

- (b) Kedai Komputer Ah Cheng membeli 5 buah komputer riba secara kredit berjumlah RM15 000 daripada Alice Solution Sdn. Bhd untuk kegunaan perniagaan.

Rekodkan urus niaga tersebut dalam Jurnal Am? Keterangan tidak diperlukan.

[2 markah]

- (c) Nyatakan 2 jenis kesilapan tidak ketara dalam imbangan duga. [2 markah]

- (d) Berikut ialah pernyataan daripada IT Mall Sdn. Bhd.

Pulangan atas modal IT Mall Sdn. Bhd pada 31 Disember 2025 ialah 12%.

Apakah tafsiran bagi pernyataan di atas ?

[2 markah]

- (e) Berikan 2 contoh butiran komponen penerimaan dalam belanjawan tunai.

[2 markah]

- 2 Iris, pemilik Perniagaan Res Venture merupakan pembekal perabot yang telah beroperasi sejak beberapa tahun yang lalu. Imbangan Duga berikut diambil daripada buku perniagaannya pada 31 Mei 2026.

	Debit	Kredit
	RM	RM
Premis	200 000	
Kenderaan	50 000	
Lengkapan	30 000	
Alat-alat kecil pada 1 Jun 2025	2 000	
Inventori pada 1 Jun 2025	21 500	
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	28 600	19 645
Bank	5 364	
Pinjaman berkadar faedah 6%		20 000
Pinjaman berkadar faedah 4%		10 000
Susut nilai terkumpul 1 Jun 2025:		
Kenderaan		30 000
Lengkapan		8 130
Peruntukan hutang ragu		500
Ambilan	8 000	
Modal		250 000
Belian dan Jualan	118 040	190 386
Pulangan		3 830
Belian alat-alat kecil	500	
Angkutan masuk	430	
Sewa diterima		3 000
Komisen		9 610
Hutang lapuk	1 247	
Gaji	68 450	
Belanja am	4 970	
Faedah pinjaman	3 000	
Insurans	3 000	
	545 101	545 101

Maklumat tambahan:

- (i) Penilaian pada 31 Mei 2026:

	RM
Inventori	23 000
Alat-alat kecil	1 800

- (ii) Inventori yang dibeli pada harga RM3 915 telah dijual secara kredit pada 31 Mei 2026 belum direkodkan.

PPC 2026 - PERAK

(iii) Pada 31 Mei 2026:

	RM
Sewa belum terima	1 000
Belanja am belum bayar	800
Belanja am prabayar	350
Peruntukan hutang ragu	500

(iv) Perniagaan telah membuat pembayaran insurans untuk setahun pada 1 April 2026 dengan nilai RM3 000.

(v) Polisi susut nilai adalah seperti berikut:

Aset Bukan Semasa	Kaedah Susut Nilai
Premis	-
Kenderaan	20% setahun mengikut kaedah garis lurus
Lengkapan	10% mengikut kaedah baki berkurangan
Alat-alat kecil	Penilaian semula

(vi) Pinjaman

Jenis kadar Pinjaman	Tarikh Mula	Tempoh matang	Nilai Pinjaman
Kadar faedah 6%	1 Ogos 2023	5 tahun	RM50 000
Kadar faedah 4%	1 Jun 2025	2 tahun	RM20 000

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mei 2026.[13 markah]
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mei 2026. [12 markah]

3 Azril dan Amran adalah pekongsi dalam Perkongsian AZAM yang menjalankan perniagaan di Teluk Intan. Perjanjian perkongsian telah menetapkan perkara-perkara berikut:

- (i) Faedah atas modal pekongsi 6%
- (ii) Faedah atas ambilan 5%
- (iii) Gaji bulanan Azril dan Amran masing-masing RM2 500 dan RM3 000.
- (iv) Bonus Azril RM1 000 dikreditkan terus ke Akaun Semasa.
- (v) Untung atau rugi dibahagi antara pekongsi mengikut nisbah 1:2.

Pada 31 Disember 2025, maklumat berikut diperoleh daripada buku perkongsian mereka.

	RM
Modal 1 Januari 2025:	
Azril	50 000
Amran	80 000
Akaun Semasa 1 Januari 2025:	
Azril	(850)
Amran	1 300
Ambilan:	
Azril (1 Januari 2025)	2 800
Azril (1 Oktober 2025)	1 200
Amran (1 Januari 2025)	2 500
Untung bersih	136 010
Premis	110 000
Kenderaan (kos)	51 000
Susut nilai terkumpul kenderaan	5 100
Akaun Belum Terima	9 800
Akaun Belum Bayar	7 880
Bank	26 500
Gaji pekongsi	60 000
Inventori akhir	15 490
Inventori alat tulis	150



Semua pekongsi bersetuju membuat pelarasan bagi perkara berikut:

- (i) Insurans prabayar RM1 400.
- (ii) Utiliti berjumlah RM510 masih belum dijelaskan.
- (iii) Jumlah gaji yang telah dibayar termasuk gaji pekongsi Azril.
- (iv) Seorang pelanggan diisytiharkan muflis dan hutangnya berjumlah RM600 dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- (v) Satu perabot baharu bernilai RM6 000 dibawa masuk oleh Amran pada 30 April 2025. Perkara ini masih belum direkodkan. Perabot disusutnilaikan 10% setahun mengikut kaedah garis lurus.

Anda dikehendaki:

- (a) menghitung untung bersih terselaras selepas mengambil kira pelarasan. [5 markah]
- (b) menyediakan Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2025. [7 markah]
- (c) Menyediakan Akaun Semasa Pekongsi (bentuk beruangan). [6 markah]
- (d) Menyediakan Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2025. [7 markah]

Bahagian B
[40 markah]

Jawab dua soalan daripada bahagian ini.

- 4 Tote Empire merupakan perniagaan milikan tunggal yang menjalankan perniagaan pakaian.

Berikut ialah baki-baki yang diperoleh daripada buku-buku perakaunan pada 1 Jun 2026.

Tunai RM550
Bank RM19 740

Dokumen berikut menunjukkan urus niaga yang berlaku sepanjang bulan Jun 2026.

SALINAN

No : 4743

BIL TUNAI

TOTE EMPIRE
560 Jalan Bertian
Taman Permata
Ipoh, Perak

Tarikh : 3 Jun 2026

Kepada

Syafira Enterprise
411 Jalan Iris
Ipoh Perak

Bil	Butiran	Kuantiti	Harga seunit	Jumlah (RM)
1	tote bag	20	30	600
2	sling bag	30	120	3600
	Jumlah			4200
	Totak diskaun niaga 15%			630
	Jumlah			3570

Ringgit Malaysia: Tiga Ribu Lima Ratus Tujuh Puluh Sahaja

Tunai/ No Cek: 152556

Dokumen 1

SLIP DAFTAR TUNAI

TOTE EMPIRE
560 Jalan Berlian
Taman Permata
Ipoh, Perak

Tarikh: 5 Jun 2026

Butiran	Harga Seunit	Unit	Jumlah
Wallet	90	1	90
Sling Bag	120	2	240
Jumlah			330
Tunai			350
Baki			20

Terima Kasih

Dokumen 2

SALINAN

No : 5225

INVOIS

TOTE EMPIRE
560 Jalan Berlian
Taman Permata
Ipoh, Perak

Tarikh : 10 Jun 2026

Kepada
Kedai Bag Story
411 Jalan Iris
Ipoh Perak

Bil	Butiran	Kuantiti	Harga seunit	Jumlah (RM)
1	Wallet	20	90	1800
2	Handbag	10	250	2500
	Jumlah			4300
	Tolak diskaun niaga 15%			645
	Jumlah			3655

Ringgiti Malaysia: Tiga Ribu Enam Ratus Lima Puluh Lima Sahaja
Syarat: 10% 15 hari, 5% 30 hari
Serahan : Angkutan dibayar

Dokumen 3

RESIT RASMI		ASAL
The Bag Story 82 Jalan Megat Terawis Ipoh Perak		No: 3012 Tarikh: 17 Jun 2026
Diterima daripada	:Tote Empire	
Ringgit Malaysia	: Seribu Sembilan Ratus Tujuh Puluh Empat Sahaja	
Untuk Bayaran	:Sebahagian invois No 2306	
RM1,974		
Tunai / No. Cek: 301223		
		<i>Joan</i> Pengurus

Dokumen 4

RESIT RASMI		SALINAN
TOTE EMPIRE 560 Jalan Berlian Taman Permata Ipoh, Perak		No: 2020 Tarikh: 20 Jun 2026
Diterima daripada	:Kedai Linen Enterprise	
Ringgit Malaysia	: Dua Ribu Dua Puluh Sahaja	
Untuk Bayaran	:Menjelaskan Hutang lapuk	
RM2,020		
Tunai / No. Cek: 108448		
		<i>Risa</i> Pengurus

Dokumen 5

MAKLUMAT DEBIT

CRS BANK BERHAD
Cawangan Ipoh
Perak

Tarikh: 28 Jun 2026

Kepada:
Tote Empire

No Akaun: 800560560800

Sila ambil perhatian bahawa kami telah mendebitkan akaun tuan seperti berikut:

Ringgit Malaysia : Dua Puluh Sahaja
Perkara : Caj bank

RM20

Khalish
Pengurus

Dokumen 6

ASAL

No : 8314

BIL TUNAI

Vowen Enterprise
66 Jalan Impiana
Ipoh Perak

Tarikh : 26 Jun 2026

Kepada
TOTE EMPIRE
560 Jalan Berlian
Taman Permata
Ipoh, Perak

Bil	Butiran	Kuantiti	Harga seunit	Jumlah (RM)
1	tote bag	80	30	2400
	Jumlah			2400

Ringgit Malaysia: Dua Ribu Empat Ratus Sahaja
Tunai / No Cek: 301224

Dokumen 7

ASAL

No : 9491

BIL TUNAI

Kedai Perabot Moden
99 Jalan Kenangan
Ipoh Perak

Tarikh : 28 Jun 2026

Kepada

TOTE EMPIRE
560 Jalan Berlian
Taman Permata
Ipoh, Perak

Bil	Butiran	Kuantiti	Harga seunit	Jumlah (RM)
1	Membaiki Rak Pameran			400
	Jumlah			400

Ringgit Malaysia: Empat Ratus Sahaja

Tunai / No Cek:

Dokumen 8

Tarikh

29-Jun-26

Penerima

Kenson Solution

Untuk

Pembelian Alatan Pejabat

	Ringgit	Sen
Baki akhir	20956	00
Deposit	-	-
Jumlah	20956	00
Cek Ini	845	00
Baki	20111	00

No: 301225

Dokumen 9

PPC 2026 - PERAK

RESIT RASMI

TOTE EMPIRE
560 Jalan Berlian
Taman Permata
Ipoh, Perak

Diterima daripada : Maison Enterprise

Sebanyak : Tiga Ribu Sahaja

Untuk Bayaran :Menjelaskan sebahagian Invois No 1445 pada 4 Jun 2026

RM3,000

Tunai / No. Cek: 915652

SALINAN
No: 2020
Tarikh: 29 Jun 2026

Maria

Pengurus

Dokumen 10

BAUCER PEMBAYARAN

TOTE EMPIRE
560 Jalan Berlian
Taman Permata
Ipoh, Perak

Diterima daripada : Maison Enterprise

Sebanyak : Tiga Ribu Sahaja

Untuk Bayaran :Menjelaskan sebahagian Invois No 1445 pada 4 Jun 2026

RM3,000

Tunai / No. Cek: 915652

No: 7764
Tarikh : 30 Jun 2026

Bil	Keterangan	Jumlah (RM)
1	Gaji bulan Jun 2026	2500
	JUMLAH	2500

Ringgit Malaysia: Dua Ribu Lima Ratus Sahaja
RM2 500
Tunai / No Cek: No 301226

Riva

Pengurus

Dokumen 11

- (a) Anda dikehendaki menyediakan Buku Tunai (dua lajur) untuk merekodkan urusan niaga berkenaan. [12 markah]

- (b) Penyata Bank yang diterima oleh Tote Empire berakhir 30 Jun 2026 menunjukkan baki RM17 150 berbeza dengan baki buku tunai di(a).

Perbezaan baki adalah disebabkan oleh perkara berikut:

- (i) Cek yang diterima dari Maison Enterprise belum didepositkan.
- (ii) Cek RM845 untuk bayaran Alatan Pejabat, RM2 500 untuk gaji dan cek No 301223 bernilai RM1 974 belum didebitkan oleh pihak bank.
- (iii) Cek RM3 570 yang diterima pada 3 Jun 2026 dipulangkan dengan tanda “Rujuk Penyuruh Bayar”
- (iv) Terdapat kesilapan dalam Dokumen 7. Nilai cek sebenar untuk belian ialah RM4 200.
- (v) Makluman debit bertarikh 30 Jun 2026, Arahkan tetap – Insurans bernilai RM390 belum dikemaskini ke buku Tunai.

Anda dikehendaki menyediakan Penyata Penyesuaian Bank bagi Tote Empire pada 30 Jun 2026 tanpa mengemaskini Buku Tunai. [8 markah]

- 5 (a) Maklumat berikut adalah berkaitan dengan dua buah mesin yang dimiliki oleh Suria Trading.

Aset	Tarikh belian	Kos (RM)
Mesin R	1 April 2023	18 000
Mesin S	1 Januari 2025	20 000

Maklumat tambahan:

- (i) Polisi menetapkan semua mesin hendaklah disusutnilaikan 10% setahun atas kos. Susut nilai dikira berasaskan bulan penggunaan mesin tersebut.
- (ii) Mesin S dibeli daripada Syarikat Thomas secara kredit.
- (iii) Pada 31 Disember 2025, mesin R telah dijual dengan harga RM15 600.
- (iv) Tempoh perakaunan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (1) Akaun Susut Nilai Terkumpul Mesin untuk tahun 2025. [2 markah]
- (2) Akaun Pelupusan Mesin. [2 markah]
- (3) Akaun Untung atau Rugi Pelupusan Mesin. [2 markah]

- (b) Kelab Seni Muzik Perak adalah sebuah kelab yang menyediakan latihan dan kemahiran menggunakan alat-alat seni muzik tradisional dan moden kepada ahli-ahlinya. Kelab tersebut juga menjual alatan seni muzik untuk menambahkan sumber kewangan kelabnya.

Berikut ialah baki-baki aset, liabiliti dan dana terkumpul bagi tahun berakhir 30 Jun 2025.

	1 Julai 2024	30 Jun 2025
	RM	RM
Tunai di bank	15 200	Perlu dikira
Lengkapan (kos)	24 500	29 300
Susut nilai terkumpul lengkapan	8 400	Perlu dikira
Inventori alat-alat seni muzik	3 500	4 500
Insurans prabayar	230	240
Yuran belum terperoleh	3 680	4 460
Yuran belum terima	1 285	1 080
Akaun Belum Bayar	2 670	2 120

Berikut merupakan senarai penerimaan dan pembayaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2025.

Penerimaan:	RM
Yuran Masuk	15 680
Derma untuk pembinaan studio	250 000
Jualan alat-alat seni muzik	35 300
Yuran ahli	120 240

Pembayaran:	
Kontraktor pembinaan studio	300 000
Lengkapan	4 800
Belanja am	56 770
Penceramah jemputan	2 000
Insurans	2 500
Sewa	28 000
Akaun Belum Bayar	25 480

Maklumat tambahan:

- i. Pada 1 Januai 2025, seorang ahli telah menderma sebidang tanah bernilai RM60 000 untuk pembinaan studio yang baharu.
- ii. Pada 30 Jun 2025, studio dinilai pada harga pasaran RM450 000.
- iii. Lengkapan disusutnilaikan pada kadar 10% setahun menggunakan kaedah baki berkurangan.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (1) Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2025.

[2 markah]
- (2) Akaun Yuran Ahli.

[4 markah]
- (3) Akaun Perdagangan Kedai Alat-alat Seni Muzik bagi tahun berakhir 30 Jun 2025

[3 markah]
- (4) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 30 jun 2025.

[5 markah]

- 6 (a) Berikut merupakan beberapa kesilapan yang ditemui dalam buku Perniagaan FH Global Enterprise
- i) Ambilan barang niaga bernilai RM350 untuk tujuan promosi tersilap rekod sebagai kegunaan peribadi.
 - ii) Komisen diterima RM100 secara tunai telah didebitkan dalam Akaun komisen diterima dan dikreditkan dalam Akaun tunai.
 - iii) Bayaran sewa RM400 dengan cek telah direkodkan RM440 dikedua-dua akaun.

Anda dikehendaki menyediakan catatan jurnal bagi urus niaga di atas. (Keterangan tidak diperlukan) [6 markah]

- (b) Puan Raden seorang pengeluar telah menyediakan maklumat berikut bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2026.

	RM
Belian:	
Bahan langsung	187 950
Barang siap	52 300
Alat-alat kecil	27 400
Pulangan belian bahan langsung	3 500
Upah langsung	45 000
Gaji pejabat	38 000
Gaji pengurus kilang	52 000
Kadar bayaran	23 000
Sewa	30 000
Belanja am	5 000
Angkutan keluar	6 000
Mesin	150 000
Kenderaan	70 000
Susut nilai terkumpul mesin	40 000
susut nilai terkumpul kenderaan	90 000
Jualan barang siap	698 000

	1 Mei 2025	30 Jun 2026
Inventori:		
Bahan langsung	36 200	31 100
Barang siap	14 800	11 200
Alat-alat kecil	3 900	4 600
Kerja dalam proses	6 500	5 500

- Maklumat tambahan:
- (i) Upah langsung prabayar RM2 000
 - (ii) Kos overhed diagihkan seperti berikut:

Butiran	Kilang	Pejabat
Kadar bayaran	3	2
Sewa	80%	20%
Belanja am	60%	40%

- (iii) Mesin hendaklah disusutnilaikan sebanyak 20% setahun mengikut kaedah nilai buku.
- (iv) Satu invois yang diterima daripada pembekal bahan langsung RM7 950 belum direkodkan.
- (v) Kenderaan RM50 000 adalah untuk kilang dan disusutnilaikan 15% setahun atas kos.

- Anda dikehendaki menyediakan:
- (i) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2026. [11 markah]
 - (ii) Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 30 Jun 2026. [3 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

